

HUBUNGI KAMI

Berminat untuk memulakan pelaburan? Hubungi kami atau mana-mana Perunding Unit Amanah (UTCs) yang diberikuasa di bawah:

1. Head Office
BIMB Investment Management Berhad 199301021508 (276246-X)
Level 19, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

Tel : 03-2161 2524 /2924
Toll Free : 1800 88 1196
Fax : 03- 2161 2426
Email : marketing.bimbinvest@bankislam.com.my

2. BANK ISLAM Branches Nationwide
Bank Islam Malaysia Berhad
Level 32, Menara Bank Islam, No.22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

General Line : +603 2088 8000
Contact Centre : +03 26 900 900
Email : contactcenter@bankislam.com.my

3. BIMB Investment's Branches & Agency Offices
Johor Bahru
No. 33B, Jalan Indah 15/2
Taman Bukit Indah,
79100 Nusajaya, Johor

Tel : 07-239 5608
Fax : 07-239 5609

QFalah Agency, Melaka
SU 1447, Tingkat 1,
Taman Masjid Tanah Ria Utama,
78300 Masjid Tanah, Melaka

Tel :06-385 1076

4.Cawangan Pengekar yang Diluluskan di Seluruh Malaysia dan Saluran Pengekaran Atas Talian

Tentang Kami

BIMB Investment Management Berhad ("BIMB Investment" atau "Pengurus") adalah syarikat pengurusan pelaburan Syariah-ESG yang terkemuka di Malaysia. Sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment adalah sebuah syarikat pengurusan dana Islam berlesen yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994, BIMB Investment beribu pejabat di Malaysia.

BIMB Investment adalah pengurusan aset Islam yang disokong bank yang pertama di rantau ini untuk menjadi penandatanganan prinsip yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI).

Penafian

Risalah iklan ini disediakan untuk tujuan maklumat sahaja. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus bagi Dana Makmur myWakaf ("Dana") bertarikh 3 Mac 2021, Prospektus tambahan (jika ada) dan Halaman Serlahan Produk (PHS) sebelum melabur, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus dan PHS boleh didapati di Ibu Pejabat BIMB Investment Management Berhad, di laman web www.bimbinvestment.com.my, perunding unit amanah dan pengekar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. Kebenaran SC atau pendaftaran Prospektus tidak boleh diambil kira bahawa SC telah mengesahkan Dana tersebut. Terdapat yuran dan caj yang dikenakan dan pelabur dinasihatkan untuk membandingkan dan mempertimbangkannya sebelum melabur di dalam Dana. Pelaburan di dalam Dana ini terdedah kepada risiko, sila rujuk kepada Prospektus untuk maklumat terperinci. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko di dalam Dana dan harus membuat penilaian sendiri mengenai risiko dan mendapatkan nasihat profesional, jika perlu, sebelum melabur. Pelabur juga perlu ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh turun dan naik dan prestasi masa lalu Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasinya pada masa hadapan. Sebarang isu unit yang berkaitan dengan Prospektus hanya akan dibuat setelah penerimaan borang permohonan yang lengkap yang dilampirkan bersama Prospektus, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung didalamnya. Risalah iklan ini tidak disemak oleh SC. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Melayu ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.

www.bimbinvestment.com.my

Ikuti Kami di:

[f](#) BIMB Investment [i](#) bimb_investment [in](#) BIMB Investment

BAGAIMANA HENDAK MEMULAKAN PELABURAN ?

Pelabur Individu:

1. Borang Permohonan Pelaburan;
2. Salinan kad pengenalan, sijil kelahiran (jika pemohon bersama adalah di bawah umur) atau pasport;
3. Perincian akaun mata wang asing untuk pelaburan dalam mata wang selain RM; dan
4. Bukti pembayaran seperti surat bank / pemindahan dana atau slip masuk bank.

Pemohon Korporat:

1. Borang Permohonan Pelaburan;
2. Salinan sijil pendaftaran perniagaan yang sah, memorandum & artikel persatuan atau perlembagaan;
3. Borang 49 atau notis di bawah seksyen 58 Akta Syarikat 2016;
4. Borang 24 atau pengembalian peruntukan di bawah seksyen 78 Akta Syarikat 2016;
5. Borang 44 atau notis di bawah seksyen 46 Akta Syarikat 2016;
6. Resolusi Lembaga Pengarah yang meluluskan pelaburan ke dalam Dana;
7. Senarai penandatanganan yang diberi kuasa bersama spesimen tandatangan; Bagi syarikat, amanah, koperasi dan yayasan asing, sila hubungi Pengurus atau saluran pengedaran yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat mengenai dokumen tambahan yang diperlukan (jika ada)
8. Perincian akaun mata wang asing untuk pelaburan dalam mata wang selain RM; dan
10. Bukti pembayaran seperti surat transfer bank / dana atau slip masuk bank.

Bayaran boleh dibuat melalui:

- Atas talian melalui Pindahan Wang Interbank GIRO (IBG) atau Pemindahan Telegrafik (TT) ke akaun kelas unit.
- Pelaburan secara berkala melalui bank melalui kemudahan debit langsung (Tertakluk pada terma dan syarat).

Borang pemindahan dana yang disahkan oleh bank mesti dikemukakan kepada Pengurus sebagai bukti pembayaran.

NOTA:

- Pelabur diminta untuk melengkapkan borang permohonan serta dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh Pengurus.
- Sebarang dokumen yang diperakui mesti sekurang-kurangnya disahkan oleh perunding unit amanah, penasihat unit amanah institusi (IUTA) yang rasmi dan / atau kakitangan pemasaran BIMB Investment.
- Untuk pelaburan melalui saluran pengedaran, sila rujuk saluran pengedaran yang rasmi untuk prosedur pendaftaran dan pembayaran.
- Pelabur dinasihatkan untuk tidak membuat pembayaran secara tunai kepada ejen individu semasa membeli unit.
- Pembelian unit akan diproses setelah pelepasan jumlah yang dilaburkan dan dokumentasi lengkap diterima oleh pengurus.

Akaun Bank

Depositkan pelaburan anda ke akaun bank BIMB Investment Management Berhad seperti di bawah :

Bank: Bank Islam Malaysia Berhad
BIMB Investment Management Berhad – MWF

Kelas Unit	Nombor Akaun Semasa
RM	14014010157515
USD	14014040002774
AUD	14014040002788

BAGAIMANA UNTUK MELABUR ?

Pelaburan Permulaan dan Tambahan

Kelas Unit	Kelas RM	Kelas USD	Kelas AUD
Pelaburan Permulaan Minimum	RM200	USD200	AUD200
Pelaburan Tambahan Minimum	RM200	USD200	AUD200

YURAN & CAJ



Caj Jualan
Sehingga 5% daripada NAB seunit.

Nota : Caj jualan dikenakan untuk semua Kelas Unit.



Yuran Pengurusan Tahunan
Sehingga 1.80% setiap tahun daripada NAB Dana.

Nota: Jumlah yuran pengurusan dikenakan untuk semua Kelas Unit berdasarkan nisbah bilangan kelas.



Caj Penebusan
Pengurus TIDAK akan mengenakan caj penebusan ke atas penebusan.



Yuran Pemindahan
Tiada.



Yuran Pertukaran
• Pertama kali: Tiada.
• Kali kedua dan seterusnya: RM25 setiap transaksi.

Nota: Yuran pertukaran dikenakan dalam jenis kelas aset dan mata wang yang sama dalam Dana yang diuruskan oleh Pengurus.



Yuran Pemegang Amanah Tahunan
0.025% setahun daripada NAB dana.

Nota: Tertakluk pada yuran minimum sebanyak RM12,000 setahun atau yang setaraf di dalam Mata Wang Asas (tidak termasuk caj dan yuran "custodian" asing).



Tempoh Bertenang
Enam (6) hari perniagaan.

Nota: Yuran dan caj di atas adalah tidak termasuk cukai dan/atau duti yang dikenakan oleh undang-undang atau perlu dibayar sehubungan dengan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah.

CIRI-CIRI UTAMA DANA



Objektif Dana

Dana ini bertujuan untuk memudahkan para pelabur yang ingin menyalurkan sebahagian daripada pulangan pelaburan mereka untuk tujuan Wakaf. Dana ini bertujuan menjana pendapatan melalui kepelbagaian portfolio pelaburan patuh Syariah yang merangkumi kelas-kelas aset tempatan dan global.



Kategori / Jenis Dana

Aset Campuran (Patuh Syariah) / Pendapatan



Mata Wang Asas

RM



Penanda Aras

50% 12-bulan Deposit Bertempoh-i Tawarruq Bank Islam Malaysia Berhad + 50% Indeks FTSE Emas Syariah.



Polisi dan Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur di dalam kepelbagaian portfolio ekuiti patuh Syariah, sekuriti berkaitan ekuiti patuh Sariah, instrumen pendapatan tetap Islam, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam. Pelaburan Dana ke dalam pelbagai kelas aset merangkumi 10% hingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) Dana.



Polisi Pengagihan Pendapatan

Tertakluk pada ketersediaan pendapatan, agihan pendapatan akan dibuat secara bulanan.

Nota: Pendapatan Dana dikira berdasarkan pendapatan bersih Dana pada setiap akhir bulan. 50% daripada agihan pendapatan bulanan Dana, jika ada, akan dikeluarkan sebagai Aset Wakaf. Sekiranya tiada pendapatan bersih untuk bulan tersebut, Aset Wakaf tidak akan dikeluarkan.



Pelabur Sasaran

Dana ini sesuai terutamanya untuk pelabur yang:

- mencari pendapatan dalam jangka masa sederhana hingga panjang;
- dengan toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi;
- dengan jangka masa pelaburan sederhana hingga panjang; dan
- ingin menyumbang sebahagian daripada pulangan pelaburan mereka untuk tujuan Wakaf.

APA YANG DANA INI TAWARKAN?



Pengagihan Wakaf Bulanan

50% daripada agihan pendapatan bulanan Dana, jika ada, akan dikeluarkan sebagai Aset Wakaf. Sekiranya tiada pendapatan yang direalisasikan untuk bulan tertentu, tiada Aset Wakaf yang akan dikeluarkan.

Pengagihan Pendapatan

Tertakluk pada ketersediaan pendapatan, pengagihan pendapatan akan diagihkan secara bulanan.



Shariah-Global

Dana ini bertujuan menjana pendapatan melalui kepelbagaian portfolio pelaburan patuh Syariah yang merangkumi kelas-kelas aset tempatan dan global.

Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab

Polisi dan strategi pelaburan Dana menggunakan prinsip United Nation Global Compact (UNGC) dan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).



APA ITU DANA MAKMUR MYWAKAF?

Dana Makmur myWakaf adalah sebuah dana campuran (Patuh Syariah) yang diuruskan oleh BIMB Investment Management Berhad, anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, bertujuan untuk memudahkan pelabur yang ingin menyalurkan sebahagian daripada pulangan pelaburan mereka untuk tujuan Wakaf.

Pengurus bekerjasama dengan inisiatif myWakaf AIBIM untuk pengedaran Aset Wakaf. Dengan melabur ke dalam Dana ini, pelabur bersetuju melantik AIBIM untuk mengedarkan Aset Wakaf kepada projek wakaf yang dikenalpasti di bawah inisiatif myWakaf mengikut peraturan transaksi Wakaf berlandaskan Syariah. Aset Wakaf akan disalurkan terus ke akaun koleksi myWakaf pada setiap bulan.

Laporan Aset Wakaf Pertengahan Tahun yang mendedahkan pengagihan Aset Wakaf akan dipaparkan di dalam laporan interim dan tahunan Dana, di mana, Pemegang Unit akan dimaklumkan berkenaan dengan pengedaran Aset Wakaf. Pengurus akan memberikan laporan interim dan tahunan Dana kepada Pemegang Unit dalam tempoh dua (2) bulan setelah berakhirnya tempoh kewangan Dana. Pengurus mempraktikkan laporan dana secara digital dan laporan interim / tahunan Dana adalah tersedia di laman web kami. Pelabur boleh melihat, menyimpan dan memuat turun laporan dari laman web kami www.bimbinvestment.com.my.



Dana Makmur myWakaf (MWF)

Kewangan Sosial Wakaf untuk Kini dan Akhirat



Dana Unit Amanah Wakaf Pertama* dan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab**

*di bawah Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
**di bawah Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



1800 88 1196
www.bimbinvestment.com.my